



## “TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMELIHARA SUNNAH RASULULLAH SAW . DISAMPING MENANGKIS SERANGAN GOLONGAN ANTI HADIS”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : ... وَمَا أَتَنَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ  
وَمَا نَهَنَاكُمْ عَنْهُ فَأَنْتَهُوا حَاجَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ  
الْعِقَابِ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بَتَقْوَى اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ . قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .



Sidang Jumaat sekalian,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian. Marilah kita bertaqwah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya segala suruhan dan larangan Allah itu hanya dapat diketahui dan difahami melalui kitab suci al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah SAW. Justeru, demi memahami dan melaksanakan Islam, kita hendaklah merujuk kepada kedua-dua sumber utama ini.

Khutbah hari ini akan membentuk setiap jiwa muslim mempunyai rasa **“Tanggungjawab Untuk Memelihara Sunnah Rasulullah Saw. Disamping Menangkis Serangan Golongan Anti Hadis”**.

Sidang Jumaat sekalian,

Beberapa bulan yang lalu, kita dikejutkan dengan cetusan semula pertikaian terhadap kedudukan hadis Rasulullah SAW dalam Islam. Lebih menghairankan lagi, kalimah syahadah kedua, iaitu perakuan terhadap kerasulan Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai perkara mendewakan baginda SAW, *wal'iyazabillah*. Ia adalah sebahagian dari cetusan dalam satu persidangan yang telah dianjurkan oleh kelompok tertentu di ibu negara.

Justeru, mimbar Jumaat sebagai sebuah medium utama dakwah masa kini ingin menarik perhatian kaum Muslimin sekalian kepada hakikat rosaknya dan bahaya pemikiran seperti ini. Mereka mendakwa bahawa umat ini cukup berpegang dengan kitab al-Qur'an sahaja tanpa perlu berpegang kepada hadis-hadis Rasulullah SAW. sebagai sumber hukum.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT. sekalian,



Hadis adalah sumber syariat Islam yang kedua selepas al-Qur'an. Ia adalah sumber hukum dalam menentukan peraturan suruhan dan larangan Allah. Ia juga adalah sumber ilmu bagi memahami hakikat dan tujuan kehidupan. Bahkan, lebih sempurna lagi untuk memahami segala perkara berdasarkan wahyu dan kehendak Allah SWT. Hakikat ini bukan sahaja ditegaskan oleh Nabi SAW, bahkan ia ditegaskan oleh Allah SWT dalam Al-Qur'an sendiri.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr, ayat 7:

وَمَا أَنْتُمْ بِرَبِّكُمْ عَنْهُ...  
فَاتَّهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

“Dan apa jua perintah Yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)”.

Ayat ini menegaskan betapa apa sahaja perintah dan larangan yang keluar dari Rasulullah SAW hendaklah dipatuhi. Ia menunjukkan betapa tidak mungkin berlaku percanggahan antara perintah Allah dan perintah Rasul-Nya. Justeru kerana Allah yang Maha Bijaksana telah memilih rasul-Nya, tentulah Dia telah memilih orang yang tidak akan memerintahkan perkara yang bercanggah dengan kehendak-Nya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 80:



مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّ فَمَا  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَفِظَ  
أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِظًا

“Sesiapa Yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka daripada melakukan kesalahan)”.

Bukan itu sahaja, bahkan perintah supaya taat kepada Allah telah digandingkan dengan taat kepada Rasul juga disebutkan dalam al-Quranul Karim.

Itu adalah sebahagian dari penegasan al-Qur'an agar umat Islam patuh kepada Allah dan patuh juga kepada Rasulullah SAW. Mematuhi Rasulullah SAW bererti mengikut arahan dan ajaran baginda yang terkandung dalam hadis-hadis Rasulullah SAW. Atas dasar inilah, maka segala perkhabaran dari baginda melalui hadis-hadisnya diterima sebagai sumber hukum dan ilmu dalam Islam.

Sidang Jumaat sekalian,

Mari kita buat perbandingan pertama. Sebagai makhluk yang memahami sejarah, manusia tentu akan mengimbau perkara-perkara terdahulu.



Sebagai contoh, Orang yang mengenang tokoh atau kumpulan tertentu dalam sejarah akan menghimpun apa sahaja yang diperolehi dari khazanah sejarah tentang mereka. Misalnya, Hang Tuah 5 Bersaudara. Jika ada mananya manuskrip atau catatan sejarah yang menukilkan kata-kata mereka atau menceritakan perihal mereka, ia tentu akan dihimpunkan dan dirujuk sebagai bahan penting untuk mengenali mereka dan mengetahui perihal zaman mereka.

Begitulah juga dengan Rasulullah SAW dan perihal zaman baginda. Para sahabat dan ulama dari masa ke semasa meriwayatkan dan menghimpunkan segala perkara berkaitan dengan Rasulullah SAW dan zaman baginda. Itulah yang dimaksudkan sebagai hadis dan sunnah Rasulullah SAW. Justeru, ia adalah khazanah yang sangat berharga dan penting. Bukan sahaja berharga kerana nilai sejarahnya, bahkan ia perlu untuk dijadikan sumber ilmu dan hukum untuk memahami bagaimana kita menjadi hamba yang patuh kepada Allah SWT. Ia perlu untuk dijadikan rujukan dan contoh dalam kita melaksanakan syariat dan memenuhi segala kehendak Allah SWT dalam kehidupan. Tanpa menerima hadis, manusia tidak dapat melaksanakan perintah Allah, bahkan ia lebih banyak, lebih tulen dan lebih jitu lagi kerana ia telah ditapis dengan ilmu periwatan dan disiplin ilmu hadis yang ketat bagi menolak cerita-cerita palsu yang cuba dikaitkan dengan baginda Rasulullah SAW.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. Bahawa Rasulullah SAW. bersabda :

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلَيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ



*“Dan (ingatlah!) sesiapa yang berdusta terhadapku dengan sengaja, maka hendaklah ia menyediakan tempatnya dalam neraka”.*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

Sidang Jumaat sekalian,

Menolak hadis dengan alasan hanya mahu berpegang kepada kitab al-Qur'an sahaja hanya akan menjadikan kefahaman kita tempang dan terbabas dari kehendak sebenar al-Qur'an. Ini kerana baginda SAW adalah orang yang paling memahami al-Qur'an. Begitu juga generasi awal Islam adalah mereka yang lebih memahami al-Qur'an kerana mereka hidup pada zaman al-Qur'an diturunkan.

Adalah tidak wajar dan sangat jahil jika kita mengenepikan sumber yang amat bernilai dalam ilmu dan amal ini hanya kerana mendakwa mahu membataskan sumber kepada kitab al-Qur'an sahaja. Sesungguhnya orang yang menolak hadis akhirnya mereka akan menolak al-Quran dan menolak Islam.

Sidang Jumaat sekalian,

Sekarang marilah kita membuat perbandingan kedua. Seorang lelaki mengajak sahabatnya untuk berhenti minum sedangkan sahabatnya itu tidak pun haus. Lalu, apabila diminta memilih minuman apakah yang sesuai, sahabatnya hanya membalas, kita tidak perlu sebarang minuman.

Seorang jurutera pula sedang membina bangunan dan memerlukan bahan-bahan binaan. Tentulah ia akan memastikan bekalannya cukup sehingga binaan siap. Namun, bagi seorang lagi jurutera yang tidak



merancang untuk membina apa-apa untuk ketika itu, dia tidak perlukan sebarang bahan binaan untuk dibeli atau disimpan.

Begitulah juga, dalam soal melaksanakan Islam dan syariatnya dalam kehidupan. Seorang yang tidak berfikir pun untuk mengamalkan Islam dan menegakkan hukum syariatnya, tentu tiada nilai baginya apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah SAW, sama ada kata-kata baginda, perbuatan baginda mahupun perakuan baginda dalam segala hal. Namun, ia berpura-pura pula, mahu merujuk kepada kitab Allah SWT sahaja, tanpa terfikir untuk mendapatkan penjelasan tambahan tentang kehendak dan kemahuan Allah SWT. Terhadap hamba-hamba-Nya. Sedangkan penjelasan itu dapat diperolehi dari hadis-hadis Rasulullah SAW.

Justeru, hakikat yang tersembunyi dari fahaman menolak hadis Rasulullah SAW ini adalah, sikap menolak untuk melaksanakan Islam dan menegakkan syariat dalam kehidupan manusia. Oleh itu, umat Islam hendaklah berperanan menolak apa juga fahaman-fahaman sesat demi memelihara kesucian dan keaslian sumber agama Islam. Kita hendaklah menghalang apa juga fahaman-fahaman songsang ini dari tersebar di kalangan ahli keluarga dan rakan-rakan yang kita kenali.

Sidang Jumaat sekalian,

Sikap menolak hadis ini pada hakikatnya adalah kerana dipengaruhi oleh fahaman kebebasan dan liberalisme. Ia mendakwa bahawa setiap orang bebas untuk bercakap tentang agama walaupun dia jahil dan tidak cukup ilmu mengenainya.

Oleh itu, marilah kita berfikir dengan waras. Tidak salah untuk kita berbicara tentang apa pun dalam hidup ini, asalkan kita mempunyai ilmu dan



kefahaman yang betul. Bukan dalam soal ilmu agama sahaja, dalam soal dunia pun kita perlukan ilmu. Apakah seorang yang tidak tahu ilmu perubatan akan kita rujuk bila kita mengalami sakit? Apakah kita akan menghantar kereta kita yang rosak kepada mekanik yang membaiki motorsikal? Atau adakah jika kita menghadapi masalah komputer, kita akan menghantarnya ke kedai membaiki barang elektrik untuk dibaiki?

Mengapakah bila seseorang yang tidak punya ilmu agama, bercakap salah tentang agama lalu ditegur, mereka marah dan mendakwa tidak mendapat kebebasan bercakap? Mereka yang cuba membataskan rujukan agama kepada kitab al-Qur'an sahaja, sebenarnya telah menyekat hak Allah untuk berbicara kepada hamba-hamba-Nya. Mereka merasakan Allah SWT hanya boleh menyampaikan mesej dan risalah-Nya melalui sebuah kitab sahaja. Sedangkan Allah SWT telah menurunkan kitab dan Dia juga berbicara dengan rasul-Nya tentang segala perkara. Sebahagiannya disampaikan oleh rasul secara khusus sebagai hadis qudsi dan sebahagian lagi disampaikan secara umum sebagai hadis-hadis yang lain.

Sidang Jumaat sekalian,

Kesimpulan dan pengajaran daripada khutbah hari ini adalah:

1. Semua pihak samada rakyat jelata hingga pemimpin, daripada pelbagai lapisan masyarakat, daripada bawahan hingga atasan berperanan menolak fahaman anti hadis dan mengambil tindakan serius mengikut bidang kuasa masing-masing.
2. Umat Islam hendaklah berpegang dan merujuk kepada hadis sebagai sumber hukum Islam selepas al-Quran.



3. Penyebaran dan pengajaran hadis-hadis Rasulullah SAW. dan ilmu yang berkaitan dengannya hendaklah diperluaskan dan dipertingkatkan.
4. Umat Islam jangan sekali-kali terpengaruh dengan menyokong, membantu, menyebarkan apa-apa yang berkaitan kumpulan-kumpulan anti hadis kerana akan membawa kepada murtad.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيُرِيدُونَ  
أَن يُفَرِّقُوا بَيْنَ اللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ  
وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَن يَتَخِذُوا بَيْنَ ذَلِكَ  
سَبِيلًا ۝ أُولَئِكَ هُمُ الْكَفِرُونَ حَقًا وَأَعْتَدَنَا  
لِلْكَفِرِينَ عَذَابًا مُهِينًا ۝

“Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada Allah dan Rasul-rasulNya, dan (orang-orang yang) hendak membeza-bezakan iman mereka antara Allah dan Rasul-rasulNya, dan (orang-orang yang) berkata: "kami beriman kepada setengah Rasul-rasul itu dan kufur ingkar kepada setengahnya yang lain", serta bertujuan hendak mengambil jalan lain antara iman dan kufur itu. Mereka itulah orang-orang yang kafir dengan sebenar-



benarnya. Dan Kami telah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa Yang menghina”.

(Surah an-Nisa': 150-151)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَأَيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ وَإِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءِهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَبِيلَكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بَعِينَ عِنَايَاتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةً مَلِكِنَا الْمُعَظِّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.  
الَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَمِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



*Khutbah Jumaat 25 April 2014: ““Tanggungjawab Untuk Memelihara Sunnah Rasulullah Saw. Disamping Menangkis Serangan Golongan Anti Hadis”.*

---

*Jabatan Agama Islam Selangor*

\*\*  
JAIS/Nurul  
17.04.2014